

## Memperkaya Kosa Kata Pelajar

**Kamariah Abd Rahim**

kamariah\_abd\_rahim@moe.edu.sg

**Siti Raihanni Selamat**

siti\_raihanni\_selamat@moe.edu.sg

Sekolah Katolik Hai Sing

### *Abstrak*

Laporan Lembaga Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB) mengetengahkan beberapa kelemahan yang menonjol dalam kalangan calon-calon yang menduduki Peperiksaan Nasional di Peringkat Biasa dan Normal. Kelemahan yang amat ketara ialah penguasaan kosa kata pelajar. Matlamat utama kajian ini adalah untuk meneroka cara-cara memperkaya kosa kata pelajar. Selain itu melalui kajian ini diharapkan pakej pengajaran yang berkesan dapat dihasilkan untuk mempertingkatkan penguasaan kosa kata dan penguasaan bahasa Melayu pelajar. Kajian yang berbentuk kuantitatif dan kualitatif ini akan membentangkan soal selidik tentang sikap pelajar-pelajar Menengah 3 aliran Ekspres dan akan mengetengahkan pakej pengajaran kosa kata yang berpusatkan pelajar. Kajian awal mendapati kurangnya penguasaan kosa kata pelajar mengakibatkan banyak perkataan yang tidak difahaminya semasa membaca, pembacaan mereka menjadi lambat, memenatkan dan membosankan. Lantas pengalaman ini akan menjelas pemahaman dan pembelajaran pelajar. Ini juga merupakan antara sebab pelajar tidak mempunyai minat membaca bahan dalam bahasa Melayu. Pelajar akan didedahkan kepada pengajaran yang lebih interaktif, penggunaan alat informasi dan komunikasi, ujian yang lebih interaktif dan penekanan kepada penggunaan bahasa dalam situasi yang realistik bagi meningkatkan penguasaan kosa kata mereka.

Kata Kunci: penguasaan kosa kata, kajian kuantitatif dan kualitatif, pakej pengajaran, pengajaran interaktif.

## PENGENALAN

Laporan Badan Peperiksaan dan Penilaian Singapura (SEAB) mengetengahkan beberapa kelemahan yang menonjol dalam kalangan calon-calon yang menduduki Peperiksaan Nasional di Peringkat Biasa dan Normal seperti pelajar tidak memahami kehendak soalan karangan, tidak memahami kata kunci, melakukan kesilapan imbuhan dan mengalihkan bahasa secara literal daripada bahasa Inggeris. Semua ini membuktikan kelemahan kosa kata pelajar.

Menurut John Dewey (1910), Kosa kata amat penting kerana instrumen pemikiran berkenaan makna yang ingin disampaikan. Neuman dan Dwyer (2009) pula berkata bahawa kosa kata adalah, ‘Kata-kata yang perlu diketahui untuk berkomunikasi dengan berkesan; kata-kata dalam perbualan (kosa kata semasa penglahiran perasaan) dan kata-kata yang didengar (kosa kata penerimaan)’. Sekumpulan pengkaji pula berpendapat, ‘Jumlah kosa kata juga berkait rapat dengan keupayaan memperoleh kemahiran membaca, kemahiran menulis, kemahiran bercakap dan keupayaan untuk mempengaruhi prestasi akademik. (Saville-Troike; 1984; Laufer, 1997; Chang, 2005; Chang dan Read, 2006)

## TUJUAN KAJIAN

Matlamat utama kajian ini adalah untuk:

1. meneroka cara-cara memperkaya kosa kata pelajar;
2. mengaplikasi apa yang dipelajari dalam konteks pembelajaran yang berbeza seperti keupayaan menyampaikan idea semasa berbual; dan
3. menghasilkan pakej pengajaran yang mampu mempertingkatkan penguasaan kosa kata dan seterusnya penguasaan bahasa Melayu pelajar.

## PERNYATAAN MASALAH

Menurut soal selidik yang dijalankan ke atas para pelajar dan guru, pelajar menghadapi masalah mengungkapkan pemikiran dan pandangan mereka



seluruhnya dalam Bahasa Melayu (BM) dengan berkesan. Malahan, para pelajar mempunyai kecenderungan menggunakan kosa kata atau frasa Bahasa Inggeris (BI) semasa bercakap atau menulis dalam BM. Guru juga mendapati adanya kecenderungan mengalih atau menterjemah bahasa secara literal dalam struktur ayat dalam wacana lisan dan penulisan pelajar. Ketidakupayaan pelajar ini berlaku kerana kegagalan mereka menggunakan perkataan-perkataan yang paling sesuai atau paling menepati makna yang ingin disampaikan. Akhirnya, idea yang ingin diketengahkan tidak kesampaian. Masalah ini dirumitkan lagi apabila pelajar tidak tahu maksud lain bagi perkataan tertentu dalam konteks ayat yang berbeza. Apa yang jelas ialah, pelajar tidak akan memahami apa yang dibaca atau bagaimana menyebut sesuatu perkataan, tidak memahami apa yang didengar, tidak dapat mengungkapkan maksud sebenar perkataan tersebut apatah lagi menulis mengenainya sekiranya dia lemah dalam kosa kata.

## KAJIAN LEPAS

Penulisan khusus tentang pembelajaran dan pengajaran kosa kata BM tidak ditemukan pengkaji. Namun perbincangan tentang masalah umum berbahasa seperti isu pencemaran BM masih dapat diguna pakai untuk membicarakan tentang kosa kata kerana ia secara tidak langsung menyentuh isu pengetahuan kosa kata pelajar. Misalnya, pencemaran BM terjadi apabila pelajar tidak tahu kosa kata yang sesuai dan menterjemah perkataan dalam BI kepada BM secara literal. Contoh isu yang boleh dikaitkan dengan kosa kata adalah seperti yang disentuh oleh Nik Safiah.

Menurut Nik Safiah (1986), pencemaran berlaku apabila terlalu banyak kesilapan menggunakan BM dalam urusan seharian, di khalayak ramai melalui iklan, papan tanda / kenyataan, surat-surat rasmi dari persatuan-persatuan Melayu Islam, media masa melalui akhbar dan radio, mahupun di sekolah-sekolah melalui guru-guru yang kurang mahir. Walaupun yang ketara ialah kesilapan bahasa namun tidak dapat disangkal terdapat juga kesilapan daripada segi pemilihan kata-kata atau kosa kata sehingga menjadikan maksud.

Seterusnya Nik Safiah (1990) menegaskan pemerhatiannya bahawa terdapat 4 cabaran daripada bentuk BM iaitu penggunaan BM yang salah

contohnya dalam segi ejaan perkataan, penggunaan yang salah pada papan-papan tanda kedai, arahan dan maklumat yang bersifat keinggerisan dan terjemahan daripada BI yang salah atau kurang tepat dalam sari kata filem. Berdasarkan kesilapan-kesilapan pengguna di atas, jelaslah bahawa pengguna lemah dalam kosa kata.

Abdul Aziz Abdul Talib (1993) pernah menjalankan satu siri ujian berformat tentang perbendaharaan kata yang melibatkan latihan mengisi tempat kosong menurut makna dalam keratan, memberikan makna perkataan menurut konteks, misalnya menggunakan teks bacaan dan membina ayat dengan menggunakan perkataan yang menjadi item-item ujian.

## **KAEDAH KAJIAN**

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian terdiri daripada 17 orang pelajar Menengah 3 Ekspres Sekolah Katolik Hai Sing (SKHS). Kumpulan pelajar ini mempunyai penguasaan BM yang berbeza-beza. Kebanyakan mereka mempunyai penguasaan BM yang sederhana. Hanya 3 orang pelajar yang telah dikenal pasti oleh guru sebagai pelajar yang baik penguasaan BM. 5 orang daripada pelajar-pelajar ini memang lemah penguasaan BM. Berdasarkan dapatan yang dijalankan, pengkaji mendapati hampir kesemua pelajar ini lebih selesa menggunakan BI daripada BM (rujuk Rajah 1). Dalam kajian ini, pelajar-pelajar tidak dinamakan tetapi diberi nombor agar identiti mereka dapat dirahsiakan.

### **Instrumen Kajian**

Untuk kajian ini, beberapa jenis instrumen kajian yang menyeluruh telah digunakan secara berfasa. Antara instrumen yang digunakan seperti borang soal selidik untuk pelajar dan guru, petikan akhbar, lembaran kerja bersiri, ujian diagnostik, video youtube, rubrik penilaian dan rakaman video.

### **Prosedur Kajian**

Kajian ini dijalankan melalui 9 fasa. Dalam setiap fasa, dengan aktiviti-aktiviti yang berfokus kepada matlamat yang ingin dicapai.



Fasa pertama, pelajar diberikan borang soal selidik 8 soalan yang bertujuan memahami latar belakang berbahasa pelajar. Tiga orang guru yang terlibat diberikan borang selidik 6 soalan mengenai persepsi guru.

Fasa kedua, pelajar dibahagikan kepada 8 kumpulan dan setiap kumpulan diberikan salinan 2 petikan akhbar yang bertemakan Remaja Berjaya. Bersama petikan-petikan ini diberikan lembaran kerja (LK) yang terdapat ruang kosong di mana pelajar diminta mengisikannya dengan ringkasan petikan dan menyenaraikan 15 perkataan payah yang diperoleh dari setiap petikan (LK1 hingga LK8).

Fasa ketiga, bagi menguji pengetahuan pelajar tentang maksud 40 perkataan yang telah dipilih, ujian diagnostik (UA) diberikan dan markah yang diperoleh dicatat.

Fasa keempat, pelajar dibawa ke makmal komputer dan diberikan lembaran kerja LK9 untuk mencari maksud perkataan dan membina ayat bagi menerangkan maksud perkataan-perkataan-perkataan ini. Bagi memastikan pelajar mencari maksud perkataan sesuai dengan konteks yang diingini, dalam komputer yang digunakan akan dimuat naik 8 petikan akhbar.

Fasa kelima, semasa pengajaran seterusnya, pelajar disuruh membawa LK9 untuk disemak bersama secara lisan sama ada maksud perkataan yang diberi pelajar tepat dan sama ada ayat-ayat yang dibina menepati konteks dalam petikan. Sebelum pengajaran dimulakan pelajar diberikan LK10. Dalam LK10 ini, sudah disediakan oleh guru, maksud 40 perkataan tadi dan sepotong ayat contoh. Dengan merujuk LK9, pelajar diajak berkongsi dengan kelas berdasarkan penemuan mereka berkenaan maksud perkataan dan membacakan ayat-ayat yang telah dibina.

Fasa keenam, aktiviti ekspresi kreatif. Guru menunjukkan youtube parodi lagu ‘Babatku Berlapis’ dan ‘Kau Gemuk Kau Comeil’ sebagai contoh dan menyuruh setiap kumpulan pelajar menghasilkan parodi lagu kumpulan masing-masing dengan memasukkan sekurang-kurangnya 10 patah perkataan

yang telah dipelajari. Setiap pelajar juga diberikan rubrik penilaian agar mereka tahu apa yang akan dinilai guru.

Fasa ketujuh, membantu mengukuhkan pemahaman dan ingatan pelajar. Secara berpasangan pelajar bermain kuiz piramida. Markah diberikan bagi jawapan yang betul dan hadiah coklat untuk dua orang pelajar lelaki dan dua orang pelajar perempuan yang mempunyai markah tertinggi. Seterusnya guru mengulang kaji maksud 40 kosa kata itu dengan menggunakan titik kuasa piramida. Selepas ini, tanpa bantuan guru atau kawan-kawan, pelajar akan membuat pembetulan UA.


Fasa kelapan, kerja kumpulan. Pelajar dibawa ke studio rakaman layar hijau untuk merakamkan parodi lagu, ekspresi kreatif mereka. Hasil rakaman ini dinilai menggunakan rubrik yang telah disediakan.

Fasa kesembilan, pelajar diberi masa 45 minit untuk menduduki ujian kosa kata terakhir (UB). Markah daripada ujian kosa kata pertama (UA) dan ujian kosa kata kedua (UB) dibandingkan untuk melihat perubahan prestasi pelajar.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Satu soal selidik untuk pelajar telah dijalankan. Beberapa soalan telah pun diajukan kepada pelajar. Antara dapatan berdasarkan soalan yang diajukan adalah seperti berikut:

Rajah 1: Latar Belakang Berbahasa Pelajar



Kelihatan peratusan yang lebih tinggi, iaitu 47.1% orang pelajar lebih banyak menggunakan BM daripada BI dengan ibu pelajar dan hanya ada seorang sahaja pelajar (5.9%) yang mengaku menggunakan bahasa Melayu keseluruhannya dengan ibu pelajar.

### Borang Soal Selidik Untuk Guru

Dapatan soal selidik guru, menunjukkan bahawa guru-guru tidak menggunakan BM sepenuhnya semasa mengajar malah menyelitkan BI. Guru memberi alasan bahawa ia perlu kerana pelajar tidak dapat memahami apa yang cuba dijelaskan guru melainkan setelah guru menggunakan BI. Guru juga akur bahawa pelajar walaupun sering dipesan supaya menggunakan BM semasa kelas BM, pelajar masih cenderung menggunakan BI.

### Ujian Diagnostik

Ujian Diagnostik yang dijalankan memang menepati jangkaan guru. Hanya tiga orang pelajar yang mendapat markah lulus sedangkan 14 orang lagi gagal. Markah purata pelajar ialah 14/40 (35%). Pelajar yang mendapat markah tertinggi memperoleh markah 34/40 dan markah terendah ialah 6/40. Pelajar yang mendapat markah tertinggi ini semasa ditemu bual oleh pengkaji menyatakan bahawa dia dibesarkan dalam suasana ibu banyak berbual dengannya dalam BM sedangkan bapanya hanya menggunakan BI. Pelajar ini juga salah seorang pelajar yang berkelayakan mengikuti kelas BM lanjutan tetapi memilih untuk tidak mengikutinya. Keputusan keseluruhan ujian ini menunjukkan bahawa pelajar tidak tahu sebahagian besar maksud 40 perkataan itu walaupun mereka pernah membacanya dalam petikan yang diberikan. Dapatan ini memberi peluang kepada guru untuk melakarkan pakej pengajaran yang berkesan iaitu yang membolehkan pelajar mendapat markah yang lebih memuaskan.

Ujian diagnostik yang terakhir inilah yang paling diharap-harapkan pengkaji agar dapat menunjukkan hasil yang amat memuaskan. Pengkaji telah mencuba berbagai-bagai strategi pengajaran untuk memastikan pelajar akhirnya berjaya mendapat markah yang sangat memuaskan. Markah purata pelajar telah meningkat dari 14/40 (35%) hingga kepada 33/40 (82.5%),

peningkatan 47.5%. Semua pelajar lulus kecuali seorang yang mendapat markah 18/40. Empat orang pelajar mendapat markah penuh dan pelajar no 3, salah seorang pelajar yang agak lemah mendapat peningkatan markah sebanyak 48.3% dan dua orang pelajar no. 15 dan 16 meningkat markahnya dari 10 hingga 38 markan. Kedua-dua pelajar ini juga agak lemah dalam BM. Kelemahan pelajar no 3 dan 16 juga telah diketengahkan dalam mencipta lirik lagu yang kurang tepat seperti yang diperkatakan tadi.

**Jadual 1: Perbandingan Markah Ujian Pra dan Pascapengajaran Guru**

Pelajar	Ujian Pra 40	Ujian Pasca 40	% Peningkatan 100	Peningkatan Markah Purata
1	17	40	235	23
2	10	28	280	18
3	6	29	483	23
4	16	35	219	19
5	9	34	378	25
6	6	18	300	12
7	8	30	375	22
8	29	40	138	11
9	22	40	182	18
10	34	40	118	6
11	14	38	271	24
12	13	29	223	16
13	14	30	214	16
14	12	23	192	11
15	10	38	380	28
16	10	38	380	28
17	16	38	238	22
<b>Purata (Average)</b>	<b>14</b>	<b>33</b>	<b>271</b>	<b>19</b>

### Cabaran/Hambatan

Cabaran atau hambatan utama bagi melaksanakan aktiviti yang telah dirancang ialah masa. Pengkaji harus sentiasa mengawasi masa. Sekiranya timbul halangan yang tidak diduga maka perancangan seterusnya perlu dibuat dengan segera. Misalnya pengkaji menghadapi pelajar tidak hadir kerana harus membuat persembahan dalam peraduan dwitahunan Festival Belia Singapura, pelajar menghadiri latihan kegiatan kokurikulum, pelajar terlibat



dalam peraduan, Hari Sukan sekolah, ujian bulanan dan pelajar sakit. Selain itu pengkaji juga tercabar kerana set kosa kata yang pertama digunakan tidak begitu baik. Dalam ujian diagnostik bagi set kosa kata yang dikumpulkan ini, semua pelajar lulus. Pengkaji terpaksa mencari petikan akhbar yang baharu dan menggunakan set kosa kata yang baharu.

Seterusnya pengkaji teruji apabila seorang pelajar nombor 9, terlepas dari pantauannya lalu gagal dalam ujian akhir pakej ini. Setelah diajak berbual, ternyata bahawa pelajar ini memang tidak suka bergaul, susah dihubungi kerana telefon bimbitnya rosak dan dia mempunyai masalah peribadi di rumah. Perkara seperti ini membuat pengkaji berasa tidak berupaya untuk membantu dan boleh menjejas semangat pengkaji dalam melaksanakan tugasnya.

### Saranan

Pembelajaran kosa kata mesti dijadikan rutin harian pelajar agar jumlah kosa kata yang dimiliki cepat meningkat dan ini akan membolehkan pelajar mudah memahami apa yang diajar. Dengan ini, pembelajaran BM tidak akan menyeksakan. Perancangan masa dan kerja sama pihak lain juga perlu misalnya ibu bapa dan pekerja makmal komputer penting agar apa yang dirancang dapat dijalankan dengan baik.

Apa sahaja aspek pembelajaran BM sepatutnya dijadikan aktiviti yang menyeronokkan seperti melalui cerita, kuiz, permainan dan ekspresi kreatif agar pelajar akan suka menghadiri kelas dan mahu terus mempelajari malah melestariannya. Guru juga boleh meneroka wadah terkini bagi menggalak penglibatan pelajar dalam pembelajaran misalnya melalui whatsapp, video youtube dan media sosial seperti yang disarankan guru-guru dalam soal selidik.

Demi menanam minat untuk mempertingkatkan prestasi pelajar terhadap sesuatu perkara yang pada awalnya dianggap tidak menyeronokkan, guru perlu membuat perancangan yang teliti. Guru mesti tahu apa yang ingin dicapai dan harus merancang seberapa banyak aktiviti yang berpusatkan pelajar. Sesungguhnya pembelajaran yang menyeronokkan dan fokus kepada matlamat yang ingin dicapai akan membawa hasil yang diinginkan.

Bagi mencapai matlamat ini, perancangan pengajaran mestilah dijalankan secara bertahap-tahap dalam berbagai-bagai bentuk termasuk latih tubi. Pantauan dan peringatan guru ialah isyarat kepada pelajar yang mereka perlu bersungguh-sungguh. Guru juga patut memotivasi pelajar agar memberikan yang terbaik kerana mereka berpotensi. Perancangan pengajaran juga sebaiknya berlandaskan prinsip pengajaran tertentu contohnya AfL, SDL dan CoL agar impak pembelajaran lebih berkesan. Jika perlu, pengajaran akan diubah suai mengikut minat atau kebolehan pelajar. Bagi membina latihan kosa kata seterusnya, guru-guru boleh meneroka aktiviti-aktiviti lain yang telah disarankan oleh Smith (2003) dalam '*Successful Techniques of Vocabulary*'.

Akhir sekali, baik juga kalau dapat disarankan beberapa langkah yang boleh menyelamatkan keadaan. Contohnya;

1. Menganjurkan mesyuarat yang membolehkan guru-guru berkongsi masalah atau pengalaman dan cabaran pengajaran.
2. Guru mengikuti kursus-kursus kosa kata dan bahasa bagi membetulkan persepsi atau pengajaran yang mungkin telah disalah ajar.
3. Guru patut berkongsi cara pengajaran yang dapat menarik minat pelajar untuk belajar dan mendalami BM.
4. Tabiat membaca bahan bacaan BM dalam kalangan guru dan pelajar harus dipupuk.

## KESIMPULAN

Renungan tentang strategi pembelajaran yang dirancang pengkaji menunjukkan bahawa pakej pengajaran kosa kata ini berupaya membentuk sikap pembelajaran kendiri atau *Self Directed Learning* (SDL) dalam diri pelajar. Pelajar diberi peluang untuk mengambil inisiatif dan bertanggungjawab ke atas apa yang berlaku. Dalam satu kumpulan, pelajar memilih untuk menguruskan sendiri perkataan mana yang hendak dicari maknanya dan dibina ayatnya. Pelajar juga belajar membuat pilihan makna yang paling tepat yang terdapat dalam pusat rujukan DBP mengikut konteks ayat. Pelajar juga bebas memilih mana-mana sepuluh perkataan yang ingin diselitkan dalam parodi lagu yang bakal direka sendiri.



Satu lagi cara pembelajaran yang meninggalkan kesan positif yang amat ketara dalam pakej pembelajaran kosa kata ini ialah Pembelajaran Kolaboratif atau *Collaborative Learning* (CoL). CoL ini memberi ganjaran seperti dapat merangsang pembelajaran yang berkesan kerana nilai-nilai tertentu seperti kebergantungan antara pelajar, saling bertanggungjawab terhadap satu sama lain atau *accountability*, kemahiran berinteraksi secara bersemuka dan kemahiran memikirkan bagaimana kumpulan yang dianggotai dapat dipertingkatkan prestasinya demi mencapai matlamat yang sama.

Kesimpulannya pakej pengajaran kosa kata ini mempunyai banyak faedah bukan sahaja untuk mempertingkatkan prestasi pelajar dalam mempelajari 40 kosa kata baharu. Melalui aktiviti-aktiviti yang dilalui, pelajar telah menjadi lebih terbuka, tidak segan melakukan kesilapan. Contohnya, apabila markah ujian pertama mereka amat mengecewakan, apabila mereka mencuba kuiz piramida dan apabila mereka menggubah lirik lagu dan membuat persembahan ekspresi kreatif. Keyakinan diri kini terbina dan mungkin juga semasa pencarian lagu yang sesuai dijadikan parodi, minat mereka terhadap lagu Melayu mula timbul semula. Akhir sekali kejayaan yang paling berharga bagi pelajar ini ialah pengalaman belajar dan berseronok dengan kawan-kawan di samping meraih markah yang membanggakan kerana kesungguhan yang ditunjukkan.

## RUJUKAN

2010 *Laporan Jawatankuasa Semakan Bahasa Ibunda, Memupuk Pelajar Aktif dan Pengguna Cekap*, Kementerian Pendidikan Singapura.

Abdul Aziz Abdul Talib. (1993). *Menguji Kemahiran Bahasa. Prinsip, Teknik dan Contoh*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Hlm 181 – 191.

Abdullah Ngah, Hamidon Abd. Majid Mohd dan Rick Halil. (1994). *Strategi Pendidikan Bahasa Melayu Institut Bahasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Menilai Kemahiran Lisan Bahasa Melayu. Hlm 366.

- Bernstein, B., (1964). "Elaborated and Restricted Codes: Their Social Origins and Some Consequences" dalam *Ethnography of Communication*, J.J. Grumperz dan D. Hymes (ed). Washington D.C.: American Speech 2.
- Ferit Kelickaya. (2010). Middle East Technical University, Turkey & Jaroslaw Krajka, Maria Curie-Sklodowska University, Poland. *Academic Exchange Quarterly. Teachers' Technology Use in Vocabulary Teaching*. Pg.81.
- Kamsiah Abdullah. (Ogos 2000). *Sikap, penguasaan dan Penggunaan Bahasa Melayu di Singapura*. Angkatan Sasterawan 50.
- Nancy Padak, Karen Bromley, Tim Rasinski dan Evangeline Newton. (2012), *Vocabulary: Five Common Misconceptions*. Volume 69.
- Nik Safiah Karim. (1986). *Bahasa Melayu. Persoalan & Pergolakan*. Gateway Publishing House Sdn. Bhd. Kluala Lumpur. Hlm (133-136)
- Nik Safiah Karim. (1990). *Beberapa Persoalan Sosiolinguistik Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia. Kuala Lumpur. Hlm 120.
- Panduan Penilaian Bahasa Melayu Sekolah Menengah. (2011). Berdasarkan *Sukatan Pelajaran Bahasa Melayu Sekolah Menengah 2011*. Unit Bahasa Melayu Cawangan Bahasa-Bahasa Ibunda Bahagia Perancangan dan Pembangunan Kurikulum.
- Smith, Carl B., Ed. (2003). *Successful Techniques of Vocabulary. ERIC Topical Bibliography and Commentary. Eric Clearinghouse on Reading, English, and Communication*, Bloomington, IN.

